

11 FEB 2003

NAM-Filem

KHALIL TURUN PADANG LIHAT PERSIAPAN FESTIVAL FILEM SEDUNIA KL

Oleh: Kurniawati Kamaruddin

KUALA LUMPUR, 11 Feb (Bernama) -- Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob hari ini turun padang bagi melihat persiapan untuk Festival Filem Sedunia Kuala Lumpur (KLWFF), yang akan berlangsung di sini selama tiga hari bermula Ahad ini.

Beliau turut membuat teguran dan memberi cadangan bagi memastikan festival itu, yang pertama kali dianjurkan oleh Malaysia dan diadakan sempena persidangan kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) ke-13 di sini, benar-benar bertaraf antarabangsa.

Khalil berkata persembahan pada majlis perasmian dan penutupan perlu sesuai dengan tema festival iaitu keamanan, keharmonian dan persahabatan.

"Sambutan yang dibuat harus mencerminkan anugerah yang dipertandingkan kerana ia adalah himpunan filem-filem serius yang menekankan tema yang dimaksudkan itu," katanya semasa taklimat yang disampaikan oleh Ketua Pengarah Finas, Datuk Mohd Shariff Ahmad, di Angkasapuri.

Sebanyak 48 filem dari 39 negara menyertai festival itu yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dataran Merdeka di sini pada 8.30 malam, Ahad ini.

Upacara penutupan akan disempurnakan oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail pada 9 malam, 18 Feb di Hotel Mandarin Oriental.

Shariff pula berkata upacara perasmian KLWFF terbuka kepada orang ramai.

Majlis perasmian dijangka bermula 8.30 malam. Sebelum itu penonton akan dihiburkan oleh beberapa artis terkemuka tanah air termasuk Nurul dan Ajai, Sarah Raisudin, Kumpulan Rabbani, Kumpulan Exist dan penyanyi 60-an Datuk A. Rahman Hassan.

Shariff berkata selain delegasi peserta dari negara-negara yang bertanding, 2,000 tetamu termasuk karyawan filem dan wakil media dijemput untuk memeriahkan majlis itu.

Persembahan pada malam perasmian dan penutupan festival itu diuruskan oleh Pak Ngah Production.

Pak Ngah atau nama sebenarnya Suhaimi Mohd Zain berkata persembahan pada malam perasmian itu menampilkan perkembangan industri perfileman tanah air khususnya di zaman kegemilangannya.

Segmen pertama akan memaparkan aksi dari filem-filem "Semerah Padi", "Hang Tuah" dan "Bawang Putih, Bawang Merah".

Segmen "Tribute To P. Ramlee" yang menghargai lagenda filem tanah air itu turut dipersembahkan dengan menampilkan tujuh karektor yang diambil dari beberapa filem yang pernah dilakonkannya.

Pak Ngah berkata beberapa personaliti yang terbabit dalam industri perfileman tanah air akan diperkenalkan kepada Perdana Menteri pada majlis itu.

Antara mereka ialah Datin Sarimah, Aziz Jaafar, Aziz Satar, Mustafa Maarof, Ahmad Mahmud, Wahid Satay, S. Samsudin, Zaiton, Mariani, Datuk L. Krishnan, Ibrahim Pendek dan Datuk Michelle Yeoh.

Majlis penutupan dan penyampaian anugerah pula akan diserikan dengan persembahan nyanyian Siti Nurhaliza, Roy, Misha Omar dan Syazliana.

-- BERNAMA

KK AZZ MAI